

07/07/1998

Agong utus tahniah

KUALA LUMPUR, Isnin - Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah mengutuskan ucapan tahniah kepada kerajaan Kepulauan Solomon yang menyambut hari kemerdekaannya esok.

Dalam perutusan kepada pemerintah kepulauan itu, Gabenor General Moses Pitakaka, Tuanku Ja'afar menyuarakan harapan agar keamanan dan kemakmuran rakyat Kepulauan Solomon berpanjangan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut menyampaikan ucapan tahniah kepada rakan sejawatannya, Bartholomew Ulufa'alu.

Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi pula menyampaikan ucap tahniah kepada rakan sejawatannya, Pattesan Oti.

(END)